

Headline :	1000 dapat tawaran masuk IPMA
Media Tittle :	Utusan Malaysia
Date :	5 April 2019
Section :	Dalam Negeri
Page No :	4
Language :	B Malaysia

## 1,000 dapat tawaran masuk IPMA

**KOTA BHARU 4 April** - Sebanyak 1,000 surat tawaran melanjutkan pengajian ke institusi pendidikan MARA (IPMA) di seluruh negara dikeluarkan pada hari pertama Karnival IPMA 2019 di Kolej Poly-Tech MARA (KPTM) Kota Bharu di sini semalam.

Timbalan Pengarah (Pembangunan) MARA negeri Kelantan, Wan Saiful Baharin Wan Ahmad Marzuki berkata, surat tawaran itu diberi terus kepada calon yang layak dan berjaya dalam temu duga yang diadakan di tapak karnival.

Beliau berkata, tawaran itu meliputi tiga kategori institusi pendidikan iaitu pendidikan pengajian tinggi dan profesional; bidang Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) dan juga pendidikan tinggi TVET.

"Kita membuka peluang kepada semua golongan daripada yang tamat darjah enam, lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), Ijazah Sarjana Muda hinggalah Doktor Falsafah (PhD).

"Kita mahu memperkasakan modal insan yang berpotensi dalam pasaran pekerjaan relevan dengan kehendak Revolusi Industri Keempat (IR 4.0)," katanya ketika ditemui pemberita di sini hari ini.

Sementara itu, Wan Saiful Baharin berkata, karnival yang berlangsung di sini selama dua hari bermula semalam adalah lokasi ketujuh daripada 15 lokasi jelajah program seluruh negara.

Antara institusi yang mengambil bahagian dalam karni-



**SEBAHAGIAN** pelajar mendengar penerangan mengenai ujian kerjaya semasa menghadiri Karnival Institusi Pendidikan MARA 2019 di Kolej Poly-Tech MARA (KPTM) Kota Bharu di Kota Bharu, kelmarin.

val itu adalah Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Kolej Universiti Polytech MARA (KUPTM), KPTM, German Malaysian Institute (GMI), Kolej MARA (KM), Kolej Profesional MARA (KPM), Institut Perindustri Mara-Jepun (MJII), Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTm), Institut Kemahiran Mara (IKM), Giatmara dan Maktab Rendah Sains MARA (MRSM).

"Kita membuat penerangan mengenai peluang yang ada dan memberi surat tawaran terus kepada yang layak serta pembiayaan pelajaran sama ada daripada Bahagian Penganjuran Pelajaran MARA, Yayasan Pelajaran MARA (YPM) dan institusi kewangan yang menaja pengajian," tambahnya.

Pada hari pertama semalam, kata beliau, sebanyak 8,000 pe-

ngunjung direkodkan dan angka itu dijangkakan melonjak kepada 15,000 orang pada penghujung program.

Dalam pada itu, Pengarah KPTM Kota Bharu, Dr. Syamsol Fozy Osman pula berkata, pihaknya sudah menyerahkan 200 surat tawaran kepada calon yang layak melanjutkan pengajian ke lapan cawangan KPTM seluruh negara dalam pelbagai bidang.

"Kami sediakan pelbagai insentif kepada pelajar contohnya pengurangan yuran jika ada adik-beradik turut belajar di KPTM, pelajar cemerlang dan lepasan tahfiz," katanya.

Lokasi Karnival IPMA 2019 seterusnya akan diadakan di dua tempat serentak iaitu di KPM Bandar Melaka dan KKTm Kuantan pada Sabtu dan Ahad ini.